

D773

B B741 DEB
MAHATHIR - PAS

PARIT, 14 MAC (BERNAMA). -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERJUANGAN PAS TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN ISLAM, SEBALIKNYA BERTUJUAN UNTUK MEREbut KERUSI DAN MENANG DALAM PILIHAN RAYA.

KATANYA, KERANA TAMAK UNTUK MENDAPATKAN KERUSI PILIHAN RAYA, MEREKA SANGGUP MEMPERALATKAN AL-QURAN DAN AGAMA ISLAM TANPA MEMPERDULIKAN AKIBAT PERBUATAN MEREKA.

SEWAKTU BERUCAP PADA PERHIMPUNAN MUHIBAH DI STADIUM BAKRI RAIS, BOTA KANAN DEKAT SINI HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA, PAS SANGGUP MEMECAH-BELAHKAN ORANG-ORANG MELAYU YANG MERUPAKAN PENGANUT AGAMA ISLAM, MENYEBARKAN FITNAH DAN MENGKAFIRKAN SESAMA SAUDARA ISLAM.

SEJAK ADA PAS, KATANYA, UMAT ISLAM YANG BERSATU PADU TELAH BERPECAH BELAH SEHINGGA ADA ORANG YANG TERPAKSA DIKAHWINKAN SEMULA KONONNYA PERKAHWINAN LAMA TIDAK SAH, ADA ORANG YANG TIDAK BOLEH DIKEBUMIKAN BERHAMPIRAN DENGAN SAUDARA MARA KERANA MEREKA TELAH DICAP SEBAGAI KAFIR. -- LAGI.

1831MST 14 03 86

B B746 DEB
MAHATHIR - PAS 2 PARIT

+MEREKA JUGA MEMAKSA AGAR TERNAKAN SEMBELIHAN PARA ANGGOTA UMNO TIDAK DIMAKAN OLEH ORANG-ORANG ISLAM DAN SEMUA INI MERUPAKAN PERBUATAN YANG BERCAANGGAH DAN BERTENTANGAN DENGAN ISLAM TETAPI, KERANA TAMAK UNTUK MENDAPATKAN KERUSI PILIHAN RAYA, MEREKA TIDAK PEDULI JIKA ORANG-ORANG MELAYU BERPECAH DAN MASYARAKAT KAMPUNG MENJADI KUCAR KACIR.+

+YANG PENTING DAN UTAMA BAGI MEREKA IALAH MENDAPAT SOKONGAN DALAM PILIHAN RAYA,+ KATANYA DI HADAPAN KIRA-KIRA 10,000 ORANG YANG MEMBANJIRI MINI STADIUM ITU.

PADA BEBERAPA KETIKA, ORANG RAMAI YANG BERADA DI STADIUM ITU BERTERIAK: +HIDUP MAHATHIR+, +HIDUP UMNO+ DAN +HIDUP BARISAN NASIONAL+, SEBAGAI MENYATAKAN SOKONGAN KEPADA PERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN RAKYAT BERWASPADA TERHADAP KEGIATAN PARTI PEMBANGKANG YANG BERTUJUAN MEMBANGKITKAN KEMARAHAAN ORANG-ORANG KAMPUNG DENGAN CERITA-CERITA FITNAH TERHADAP SEBUAH KERAJAAN YANG BENAR-BENAR BERJUANG UNTUK RAKYAT.

+WALAUPUN SAUDARA MARA DIPECAH-BELAHKAN, WALAUPUN HURU-HARA BERLAKU, WALAUPUN ANGGOTA KERAJAAN DIBUNUH, YANG PENTING BAGI MEREKA IALAH MENANG DALAM PILIHAN RAYA,+ TEGASNYA. -- LAGI.

1842MST 14 03 86

B B753 DEB
MAHATHIR - PAS 3 PARIT

KATANYA, AGAMA RASMI MALAYSIA IALAH ISLAM, TETAPI INI TIDAK BERERTI PENGANUT-PENGANUT AGAMA LAIN TIDAK BOLEH MENGANUT AGAMA MEREKA DENGAN SEMPURNA, MALAH MEREKA DIBERIKAN KEBEBASAN MENGANUT AJARAN AGAMA MEREKA KERANA ITU DIKEHENDAKI OLEH ISLAM.

+AGAMA ISLAM TIDAK MENYURUH KITA MENINDAS ATAU MEMAKSA ORANG LAIN MENGIKUT AJARANNYA. JIKA MEREKA MENGIKUT ISLAM KERANA TELADAN YANG BAIK DITUNJUKKAN OLEH ORANG-ORANG ISLAM MAKA ITULAH CARA UNTUK MEMIKAT ORANG-ORANG BUKAN ISLAM.+

INI SEPERTI YANG DIAMALKAN OLEH SEMUA NEGARA ISLAM DAN NABI MUHAMMAD SAW YANG KETIKA ITU MEMPUYAI HUBUNGAN YANG BAIK DENGAN KELUARGANYA YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM SEHINGGA AKHIRNYA RAMAI DARIPADA MEREKA TERPIKAT DENGAN CARA DIPLOMASI RASULULLAH SEHINGGA MEREKA MENGANUT ISLAM; TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN PADA HARI INI MENCONTOHI SEGALA YANG DILAKUKAN OLEH NABI MUHAMMAD DAN TIDAK ADA SEBAB KENAPAKAH UMNO TIDAK BOLEH BEKERJASAMA DENGAN ORANG-ORANG BUKAN ISLAM ASALKAN MEREKA TIDAK MEMUSUHI ORANG-ORANG ISLAM.

+MEREKA YANG BERADA DI KALANGAN PARTI BARISAN NASIONAL BUKANLAH MUSUH ISLAM. MEREKA TIDAK MENGHALANG ORANG-ORANG ISLAM. OLEH ITU KERJASAMA ANTARA KITA DENGAN MEREKA BUKANLAH DILARANG OLEH AGAMA ISLAM.+ -- LAGI.

1851MST 14 03 86

B B757 DEB
MAHATHIR - PAS 4 PARIT

BELIAU BERKATA, ISLAM MEMENTINGKAN KEAMANAN DAN KERAJAAN SEKARANG BERUSAHA MEWUJUDKAN KEADAAN ITU DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT TANPA MENINDAS RAKYAT SEPERTI YANG DIKEHENDAKI OLEH AJARAN ISLAM.

PERDANA MENTERI MENGESALI DAKWAAN PAS KONONNYA KERAJAAN SEKARANG DAN ANGGOTA POLIS ADALAH KAFIR DAN BOLEH DIBUNUH, SEHINGGA TERCETUSNYA PERISTIWA MEMALI DI KEDAH BARU-BARU INI DAN PERBUATAN ITU NYATA SEKALI MELANGGAR AJARAN ISLAM.

BELIAU JUGA BERKATA, KERAJAAN BERUSAHA MEMBANGUNKAN NEGARA UNTUK RAKYAT DAN RAKYAT SEBALIKNYA HARUSLAH BERUSAHA MEWUJUDKAN PERPADUAN AGAR SUASANA TENTERAM DAPAT DIWUJUDKAN BAGI MENJAMIN KEMAJUAN YANG BERTERUSAN.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERSEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID BOTA KANAN BERSAMA-SAMA PENDUDUK TEMPATAN.

BELIAU YANG KEMUDIANNYA DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MELAWAT PUSAT PEMBIAKAN TUNTUNG, JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) PERAK DI PEKAN ITU.

DALAM LAWATAN ITU, PERDANA MENTERI MELEPASKAN 100 EKOR ANAK TUNTUNG YANG BERUSIA DUA TAHUN YANG DIBIAKKAN DI PUSAT ITU KE DALAM SUNGAI PERAK.

YANG HADIR SAMA SEPANJANG LAWATAN PERDANA MENTERI KE BOTA KANAN IALAH MENTERI BESAR, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB. -- BERNAMA.

1902MST 14 03 86